

Berita Harian - 31.03.2021 MS 08

Amah terkandas boleh guna MyTravelPass ke Malaysia

Kuala Lumpur: Pembantu rumah warga asing yang terkandas di negara asal selepas kerajaan menutup sempadan susulan penularan wabak COVID-19, dibenarkan kembali ke Malaysia.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata syarat utama ialah perlu mempunyai visa bekerja yang masih sah dan mendapat kebenaran Jabatan Imigresen.

“Pembantu rumah dari negara sumber seperti Indonesia dan Filipina yang mempunyai visa dan terkandas di kampung kerana bercuti atau sebagainya, dibenarkan kembali bekerja tetapi perlu memohon menggunakan MyTravelPass oleh Jabatan Imigresen.

“Mereka juga perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan iaitu menjalani ujian calitan sekurang-kurangnya tiga hari sebelum pulang dan menjalani proses kuarantin wajib sebaik tiba di negara ini,” katanya pada sidang media harian COVID-19 di sini, semalam.

Ismail Sabri berkata, segala kos membabitkan proses berkenaan termasuk kuarantin perlu ditanggung majikan masing-masing.

Dalam pada itu, beliau berkata, kerajaan turut membenarkan agensi pengambilan pembantu rumah asing memproses permohonan rumah susulan rayuan dikemukakan Persatuan Agensi Pembantu Rumah Asing.

“Kita dimaklumkan proses permohonan mengambil masa agak lama iaitu antara tiga hingga empat bulan, maka pihak persatuan merayu supaya proses permohonan dibuat dari sekarang.

“Ini bagi membolehkan proses membawa masuk pembantu rumah asing dibuat dengan cepat dan mengelak kelewatan apabila pintu masuk sempadan negara dibuka kelak,” katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, kemasukan mereka ke Malaysia tertakluk kepada pembukaan sempadan negara selain mendapat kebenaran Jabatan Imigresen.



Syarat utama ialah perlu mempunyai visa bekerja yang masih sah dan mendapat kebenaran Jabatan Imigresen.

**Ismail Sabri Yaakob,
Menteri Kanan (Keselamatan)**